# PANDUAN PENDAFTARAN PEPERIKSAAN CALON PERSENDIRIAN SPM ULANGAN

Pengguna perlu memastikan penggunaan portal ini hanya bertujuan untuk mendaftarkan diri sebagai calon SPM Ulangan (SPMU) yang berkaitan dengan SPMU sahaja.

Portal ini tertakluk kepada Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia.




Pergi ke laman sppat.moe.gov.my kemudian klik “Sistem pendaftaran peperiksaan untuk Calon Persendirian (SPM Ulangan)”. Klik “Daftar” untuk mendaftarkan diri sebagai calon SPMU.




Masukkan maklumat No. Pengenalan Diri, Tahun Peperiksaan dan Angka Giliran bagi peperiksaan yang lepas.  Maklumat boleh diperoleh daripada sijil SPM/SPM(V)/SPVM/MCE/SC/FMC.




Sahkan maklumat yang diisi. Pastikan No. Pengenalan Diri, Tahun Peperiksaan dan Angka Giliran merupakan milik anda, kemudian klik Teruskan.




Isikan maklumat peribadi seperti yang dikehendaki. Kemudian, klik Teruskan.




Pilih mata pelajaran yang anda ingin daftarkan. Jumlah bayaran akan dipaparkan sejurus anda memilih mata pelajaran. Kemudian, klik Teruskan.




Pilih pusat peperiksaan anda. Pusat peperiksaan adalah mengikut negeri dan daerah. Kekosongan pusat peperiksaan berdasarkan bilangan kuota.

7



A PEPERIKSAAN :: SPPAT — SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN 2022

PORTAL PENDAFTARAN PEPERIKSAAN
CALON PERSENDIRIAN SPMU 2022

DAFTAR CALON PERSENDIRIAN (SPM ULANGAN)

Peribadi | Mata Pelajaran | Pusat Peperiksaan | Rumusan

**MAKLUMAT PERIBADI**

NAMA :
NO. PENGENALAN DIRI :
NO. SURAT BERANAK :
TARIKH LAHIR :
JANTINA :
KETURUNAN :
AGAMA :
JENIS KECACATAN :
NO. KAD OKU :
KOD PEP. TERAKHIR : 4 - PERNAH MENDUDUKI SPM/SPM(V)/SPVM/MCE/SC/FMC ATAU MEMPUNYAI SIJIL SAP/GCE/PERNYATAAN KEPUTUSAN SPM DAN GAGAL BAHASA MELAYU DAN SEJARAH
JENIS KEMASUKAN : 9 - CALON MENGULANG
TAHUN PEP. TERAKHIR :
A/G PEP. TERAKHIR :
NO. P/D PEP. TERAKHIR :
ALAMAT :
POSKOD :
BANDAR :
NEGERI :
NO. TELEFON :
ALAMAT E-MEL :

**MATA PELAJARAN**

1. 1449 - MATEMATIK

**KETERANGAN BAYARAN**

| Butir Bayaran | Bayaran Dikenakan | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| Bayaran Asas | 1 x RM 20.00 | 20.00 |
| Mata Pelajaran Tanpa Komponen PBS | 1 x RM 10.50 | 10.50 |
| Mata Pelajaran Dengan Komponen PBS | 2 x RM 12.00 | 24.00 |
| | Jumlah Keseluruhan | 54.50 |

**PEMILIHAN PUSAT PEPERIKSAAN**

Negeri : J - Johor
Daerah : Kluang

| No. Pusat | Nama Sekolah dan Alamat |
|---|---|
| JC701 | SMK TUN HUSSEIN ONN<br>KM 5, JALAN BATU PAHAT<br>86000 KLUANG, JOHOR |

**PENGAKUAN PEMOHON**

a. Saya mengaku telah membaca dan memahami semua peraturan dan arahan peperiksaan ini. Lembaga Peperiksaan berhak membatalkan pendaftaran saya sekiranya maklumat yang diberikan tidak benar atau palsu dan bayaran pendaftaran tidak akan dikembalikan.
b. Sekiranya saya membuat permohonan pembetulan **mata pelajaran**, saya akan dikenakan bayaran RM30.00 bagi setiap mata pelajaran yang ditambah dan RM30.00 bagi setiap mata pelajaran yang digugurkan.
c. Sekiranya saya membuat pembetulan **maklumat calon**, saya akan dikenakan bayaran RM30.00 bagi setiap pembetulan.
d. Saya telah memastikan mata pelajaran yang didaftarkan adalah mata pelajaran yang ingin saya duduki untuk peperiksaan ini.
e. Saya akan memastikan mata pelajaran yang dicetak pada Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan (PPP) adalah sama dengan mata pelajaran yang telah saya daftarkan.
f. Saya juga faham bahawa saya perlu membuat bayaran permohonan pendaftaran peperiksaan melalui perbankan elektronik. Proses pendaftaran selesai setelah pembayaran dibuat.

**Nota:** Sila klik pada ruangan ☐ sekiranya anda telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua peraturan dan arahan peperiksaan di atas sebelum menghantar borang permohonan.

Hantar | Kembali

Semak maklumat pendaftaran anda. Pastikan semua maklumat sahih dan tandakan pada ruangan akur janji sebelum menghantarnya.




Mesej pengesahan maklumat akan dipaparkan sebelum borang pendaftaran anda dihantar. Klik butang OK.




Kemudian sistem akan bawa anda ke laman bayaran perbankan elektronik selepas borang dihantar untuk melengkapkan proses pendaftaran. **Permohonan yang telah dibayar sahaja akan diproses**.